



# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

---

CETAKAN SEMULA

---

**Akta 370**

## **AKTA WANG TAK DITUNTUT 1965**

*Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006*

DITERBITKAN OLEH  
PESURUHJAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA  
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968  
SECARA USAHA SAMA DENGAN  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BHD

2006

**AKTA WANG YANG TIDAK DITUNTUT 1965**

Pertama kali diperbuat	... .. ...	1965 (Akta 74 tahun 1965)
Dipinda	... .. ...	1989 (Akta 370 berkuat kuasa mulai 10 Ogos 1989)

*CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU*

*Cetakan Semula yang Pertama* ... .. 2001

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta 370

### AKTA WANG TAK DITUNTUT 1965

---

#### SUSUNAN SEKSYEN

---

#### Seksyen

1. Tajuk Ringkas dan pemakaian
2. Tafsiran
3. (*Dipotong*)
4. Kecualian

#### BAHAGIAN I

##### WANG DALAM MAHKAMAH

5. Peruntukan bagi pembayaran ke dalam Akaun Hasil Disatukan dalam beberapa hal tertentu berkaitan dengan wang tak dituntut dalam mahkamah
6. Kuasa pegawai mahkamah untuk menjual sekuriti dan kuasa Hakim Mahkamah Tinggi untuk mengeluarkan perintah letak hak
7. Peruntukan bagi tuntutan, dsb., yang dibuat selepas pembayaran ke dalam Akaun Hasil Disatukan

#### BAHAGIAN II

##### WANG DALAM SYARIKAT DAN FIRMA

8. Tafsiran
9. Pendaftar Wang Tak Dituntut, dsb.
10. Daftar dan serah simpan wang tak dituntut
- 10A. Keperluan menerbitkan daftar
- 10B. Pertanyaan tentang wang tak dituntut

## Seksyen

11. Pelupusan wang tak dituntut
12. Pendaftar boleh memeriksa daftar, dsb., bagi memastikan sama ada syarikat atau firma mematuhi Bahagian ini atau tidak
13. Pendaftar hendaklah membayar penuntut yang sah
14. Orang yang tidak dikehendaki di bawah Bahagian ini boleh membayar wang tak dituntut kepada Pendaftar
15. Peraturan
16. Kuasa untuk mengkompaun kesalahan
17. Borang
18. Kuasa untuk mengecualikan

## UNDANG-UNDANG MALAYSIA

### Akta 370

#### AKTA WANG TAK DITUNTUT 1965

Suatu Akta berkaitan dengan pembayaran wang tak dituntut ke dalam Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan

[1 Jun 1975]

**MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG** oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut:

#### Tajuk ringkas dan pemakaian

1. (1) Akta ini boleh dinamakan sebagai Akta Wang Tak Dituntut 1965.  
(2) Akta ini adalah terpakai di seluruh Malaysia.

#### Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Kumpulan Wang Disatukan” ertinya Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan;

“Akaun Amanah Disatukan” ertinya Akaun Amanah Disatukan Persekutuan yang dikendalikan menurut perenggan 7(c) Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*];

“Akaun Hasil Disatukan” ertinya Akaun Amanah Disatukan Persekutuan yang dikendalikan menurut perenggan 7(a) Akta Tatacara Kewangan 1957;

“Menteri” ertinya Menteri yang ditugaskan dengan tanggungjawab berkenaan kewangan.

3. (*Dipotong oleh Akta A722*).

## **Kecualian**

4. Melainkan jika yang berlawanan diperuntukkan dengan nyata oleh Akta ini, tiada sesiapa pun boleh dalam apa-apa cara bertanggungjawab kepada mana-mana orang oleh sebab pembayaran olehnya akan apa-apa wang ke dalam Akaun Amanah Disatukan atau Akaun Hasil Disatukan atau apa-apa tindakan lain yang dilakukan olehnya dengan suci hati menurut Akta ini.

### BAHAGIAN I

#### WANG DALAM MAHKAMAH

#### **Peruntukan bagi pembayaran ke dalam Akaun Hasil Disatukan dalam beberapa hal tertentu berkaitan dengan wang tak dituntut dalam mahkamah**

5. (1) Dengan tidak menyentuh suatu apa pun yang berlawanan yang terkandung dalam mana-mana undang-undang bertulis, rukun undang-undang, atau kaedah mahkamah, dalam apa jua hal jika apa-apa wang telah dibayar atau dibayar ke dalam mana-mana mahkamah di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau kaedah mahkamah (yang berkuat kuasa hingga kini, sekarang atau kemudian daripada ini) atau menurut kuasa mana-mana kaedah amalan atau tatacara (yang berkuat kuasa hingga kini, sekarang atau kemudian daripada ini) dan tiada tuntutan, permohonan, tindakan, guaman atau prosiding lain bagi atau berkaitan dengan wang tersebut telah dibuat atau dibuat atau telah dimulakan atau dimulakan bagi tempoh lima belas tahun selepas pembayaran keluar yang terakhir daripada mahkamah akan mana-mana bahagian wang tersebut atau (jika tiada pembayaran keluar daripada mahkamah telah dibuat atau dibuat) selepas pembayaran tersebut ke dalam mahkamah, pegawai berkenaan bagi mahkamah tersebut yang mempunyai kawalan atau jagaan ke atas wang yang dibayar ke dalam mahkamah hendaklah dengan seberapa segera yang boleh dilaksanakan selepas tamatnya tempoh lima belas tahun itu membayar wang itu ke dalam Akaun Hasil Disatukan:

Dengan syarat bahawa dalam apa jua hal jika dokumen-dokumen yang difailkan di mahkamah mendedahkan kewujudan pada bila-bila masa, seseorang yang mungkin berhak untuk membuat atau memulakan suatu tuntutan, permohonan, tindakan, guaman atau prosiding seperti yang disebut sebelum ini tetapi kerana tidak cukup umur atau ketakupayaan lain di sisi undang-undang atau seseorang yang mungkin menjadi sangat berhak disebabkan berlakunya sesuatu

kejadian, maka tempoh lima belas tahun yang disebut sebelum ini tidak boleh dalam apa jua keadaan disifatkan telah bermula—

- (a) sehingga hari yang padanya (mengikut keterangan yang memuaskan yang difailkan di mahkamah) orang tersebut menjadi cukup umur atau ketakupayaan lain tersebut ditamatkan atau kejadian itu berlaku (mengikut mana-mana yang berkenaan); atau
- (b) sehingga hari yang padanya (mengikut keterangan yang memuaskan yang difailkan di mahkamah) orang itu meninggal dunia,

mengikut mana-mana hari yang lebih awal.

### **Tafsiran “wang yang dibayar ke dalam mahkamah” bagi merangkumi sekuriti, faedah, dividen, dsb.**

(2) Bagi maksud Bahagian ini “wang yang dibayar ke dalam mahkamah” ertinya wang atau apa-apa sekuriti yang dibayar ke dalam mahkamah atau dibayar ke dalam mana-mana Bank (sama ada atas nama atau dalam kredit mana-mana pegawai mahkamah atau selainnya) atau dibayar ke dalam mana-mana Bank Simpanan Nasional yang hendaklah tertakluk kepada perintah atau pelupusan mahkamah, dan bermula dari masa pembayaran tersebut, termasuk apa-apa sekuriti atau wang yang ke dalamnya apa-apa wang atau sekuriti yang mula-mula disebut itu atau mana-mana bahagian daripadanya ditukarkan ataupun telah ditukarkan dan semua faedah dan setiap dividen atau keuntungan lain yang terakru atau berakru daripada mana-mana wang atau sekuriti tersebut sehingga ke masa pembayaran ke dalam Akaun Hasil Disatukan, dan bagi maksud pembayaran itu ke dalam Akaun Hasil Disatukan termasuk hasil penjualan atau penukaran menjadi wang akan mana-mana sekuriti itu di bawah seksyen 6.

### **Kuasa pegawai mahkamah untuk menjual sekuriti dan kuasa Hakim Mahkamah Tinggi untuk mengeluarkan perintah letak hak**

6. Walaupun terdapat apa-apa undang-undang bertulis atau rukun undang-undang, namun bagi maksud apa-apa pembayaran wang ke dalam Akaun Hasil Disatukan di bawah subseksyen 5(1), pegawai berkenaan bagi mahkamah itu yang disebut sebelum ini adalah dengan ini diberi kuasa selepas tamatnya tempoh lima belas tahun itu untuk menjual atau selainnya menukarkan menjadi wang apa-apa sekuriti yang dirujuk dalam subseksyen (2) seksyen tersebut dan bagi memudahkan pembayaran

tersebut ke dalam Akaun Hasil Disatukan, Hakim Mahkamah Tinggi, atas permohonan oleh atau bagi pihak pegawai itu, boleh mengeluarkan suatu perintah, meletak hak kepada pegawai tersebut pemilikan atau kepentingan dalam apa-apa sekuriti tersebut atau dalam apa-apa wang dalam mana-mana bank yang dirujuk dalam subseksyen (2) seksyen tersebut.

### **Peruntukan bagi tuntutan, dsb., yang dibuat selepas pembayaran ke dalam Akaun Hasil Disatukan**

7. (1) Jika selepas mana-mana wang dibayar ke dalam Akaun Hasil Disatukan menurut Bahagian ini seperti yang disebut sebelum ini, apa-apa tuntutan, guaman, tindakan, permohonan atau prosiding lain bagi atau berkaitan dengannya dibuat atau dimulakan oleh mana-mana orang, tuntutan, guaman, tindakan, permohonan atau prosiding lain itu hendaklah didengar dan ditentukan dalam semua aspek seolah-olah wang tersebut berada dalam mahkamah dan mahkamah boleh mengeluarkan perintah tersebut sebagaimana yang dibenarkan oleh undang-undang bagi pembayaran kepada mana-mana orang akan wang yang disebut sebelum ini atau mana-mana bahagian daripadanya.

### **Peruntukan bagi pembayaran daripada hasil dalam perintah mahkamah**

(2) Apabila mana-mana perintah tersebut dibuat dan satu salinannya disampaikan kepada Menteri beliau hendaklah sebagai mematuhi perintah tersebut tanpa apa-apa kuasa selanjutnya atau kuasa lain selain daripada Akta ini membayar amaun yang ditetapkan dalam perintah tersebut (tanpa faedah dari tarikh pembayaran ke dalam Akaun Hasil Disatukan) kepada orang yang diarahkan oleh perintah tersebut supaya dibuat pembayaran; dan amaun tersebut hendaklah dipertanggungjawabkan ke atas Kumpulan Wang Disatukan dan kena dibayar daripada Akaun Hasil Disatukan (yang dengan ini diuntukkan setakat yang perlu bagi maksud itu sewajarnya)

## BAHAGIAN II

### WANG DALAM SYARIKAT DAN FIRMA

#### **Tafsiran**

8. Dalam Bahagian ini melainkan jika tidak konsisten dengan konteks atau hal perkara—



“syarikat” ertinya sebuah syarikat mengikut pengertian Akta Syarikat 1965 [Akta 125], atau sebuah syarikat asing yang baginya Bab 2 Bahagian XI Akta itu terpakai, dan hendaklah termasuk—

- (a) mana-mana Lembaga yang ditubuhkan untuk menguruskan kumpulan wang simpanan pekerja, skim persaraan atau apa-apa kumpulan wang lain yang berkaitan dengan manfaat persaraan;
- (b) semua pertubuhan dan koperasi yang berdaftar di bawah mana-mana undang-undang bertulis berkaitan dengan pertubuhan atau koperasi; dan
- (c) semua perbadanan, pihak berkuasa awam dan kesatuan sekerja;

“firma” ertinya suatu kumpulan orang yang tidak diperbadankan (sama ada terdiri daripada individu atau perbadanan atau sebahagiannya individu dan sebahagiannya perbadanan) yang disatukan bersama bagi maksud menjalankan perniagaan;

“pegawai”—

- (a) berhubung dengan sebuah syarikat termasuk—
  - (i) mana-mana pengarah setiausaha atau pekerja syarikat itu; dan
  - (ii) penerima dan pengurus bagi mana-mana bahagian perusahaan syarikat yang dilantik di bawah suatu kuasa yang terkandung dalam apa-apa surat cara,tetapi tidak termasuk mana-mana penerima yang bukan juga seorang pengurus, dan mana-mana penerima dan pengurus yang dilantik oleh mahkamah; dan
- (b) berhubung dengan sebuah firma termasuk mana-mana rakan kongsi, ahli, pengurus atau pekerja firma itu;
- (c) (*Dipotong oleh Akta A1161*).

“empunya” ertinya orang yang berhak terhadap apa-apa wang tak dituntut dan termasuk wasi, pentadbir atau pemegang serah haknya atau, dalam hal sebuah syarikat mengikut pengertian Akta Syarikat 1965, penyelesaiannya, atau peguam atau ejennya atau peguam atau ejen mereka yang sah di Malaysia;

“ditetapkan” ertinya ditetapkan oleh atau di bawah Akta ini atau oleh peraturan yang dibuat di bawahnya;

“Pendaftar” ertinya Pendaftar Wang Tak Dituntut yang dilantik di bawah seksyen 9;

“wang tak dituntut” ertinya—

- (a) semua wang yang kena dibayar di sisi undang-undang kepada empunya dan tetap tidak dibayar bagi tempoh tidak kurang daripada satu tahun selepas wang itu menjadi kena dibayar;
- (b) semua wang dalam kredit suatu akaun yang tidak dikendalikan dalam apa jua cara oleh empunya bagi tempoh tidak kurang daripada tujuh tahun; dan
- (c) semua wang dalam kredit suatu akaun perdagangan yang berterusan tidak aktif bagi tempoh tidak kurang daripada dua tahun.

### **Pendaftar Wang Tak Dituntut, dsb.**

9. (1) Menteri boleh melantik mana-mana pegawai dalam perkhidmatan Kerajaan menjadi Pendaftar Wang Tak Dituntut untuk menjalankan kewajipan dan fungsi yang diberikan di bawah Bahagian ini kepada Pendaftar.

(2) Menteri boleh melantik satu atau lebih pegawai dalam perkhidmatan Kerajaan menjadi Timbalan Pendaftar Wang Tak Dituntut atau Penolong Pendaftar Wang Tak Dituntut bagi maksud Bahagian ini.

(3) Tertakluk kepada arahan am dan kawalan Pendaftar dan kepada sekatan dan batasan tersebut sebagaimana yang ditetapkan, apa-apa pun yang dilantik atau diberi kuasa atau dikehendaki supaya dilakukan atau ditandatangani oleh Pendaftar boleh dilakukan atau ditandatangani oleh mana-mana Timbalan Pendaftar atau Penolong Pendaftar dan adalah sah dan berkesan seolah-olah dilakukan atau ditandatangani oleh Pendaftar.

(4) Tiada seorang pun yang berurusan dengan mana-mana Timbalan Pendaftar atau Penolong Pendaftar perlu melihat atau mempersoalkan sama ada apa-apa sekatan atau batasan telah ditetapkan, dan setiap perbuatan atau peninggalan oleh seseorang Timbalan Pendaftar atau Penolong Pendaftar setakat yang ia melibatkan mana-mana orang tersebut adalah sah dan berkesan seolah-olah dilakukan atau ditinggalkan oleh Pendaftar.

## **Daftar dan serah simpan wang tak dituntut**

**10.** (1) Setiap syarikat atau firma yang memegang wang tak dituntut hendaklah mencatatkan semua wang tak dituntut dalam suatu daftar yang disimpan di pejabat utamanya atau tempat perniagaannya di Malaysia dalam bentuk yang ditentukan oleh Pendaftar.

(2) Syarikat atau firma itu hendaklah pada setiap tahun, tidak lewat dari hari terakhir pada bulan Mac, menyerahkan simpan kepada Pendaftar di pejabatnya satu salinan daftar yang akan mengandungi butiran tentang semua wang tak dituntut yang kekal tidak dibayar sehingga ke hari terakhir bulan Disember tahun yang sebelumnya bersama semua wang tak dituntut yang dilaporkan dalam daftar.

(3) Pendaftar boleh, atas permohonan syarikat atau firma tersebut, memberikan lanjutan masa bagi menyerahkan simpan daftar bersama dengan wang tak dituntut kepada Pendaftar di bawah subseksyen (2).

(4) Syarikat atau firma yang gagal mematuhi subseksyen (1) dan subseksyen (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan syarikat atau firma dan setiap pegawai syarikat atau firma tersebut yang mungkir boleh dikenakan, apabila disabitkan, denda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit dan boleh, dalam hal kesalahan yang berterusan, dikenakan denda tambahan yang tidak melebihi satu ribu ringgit setiap hari selama mana kesalahan itu berterusan.

(5) Walau apa pun rukun undang-undang yang bertentangan, apa-apa hak empunya berhubung dengan wang tak dituntut yang wujud pada masa membuat pemasukan dalam daftar di bawah subseksyen (1) tidak akan dimudaratkan atau terjejas oleh sebab pemasukan dalam daftar, tetapi wang tersebut boleh didapatkan kembali daripada syarikat atau firma oleh empunya pada bila-bila masa sebelum wang tersebut diserahkan simpan dengan Pendaftar di bawah subseksyen (2).

(6) Jika wang tak dituntut itu telah diserahkan simpan dengan Pendaftar, empunya wang tak dituntut itu boleh mendapatkan kembali wang itu daripada Pendaftar menurut peruntukan Bahagian ini.

## **Keperluan menerbitkan daftar**

**10A.** (1) Syarikat atau firma yang memegang wang tak dituntut hendaklah dalam bulan Mac setiap tahun, sebelum daftar wang tak dituntut dan wang tak dituntut yang dilaporkan dalam daftar diserahkan dengan Pendaftar di bawah subseksyen 10(2), mengemukakan satu salinan daftar tersebut, yang hendaklah termasuk rekod wang tak dituntut yang dipegang sehingga hari terakhir bulan Disember tahun sebelumnya, untuk diterbitkan dalam *Warta* dan semua caj yang dikenakan bagi penerbitan *Warta* tersebut hendaklah ditanggung oleh Pendaftar.

(2) Mana-mana syarikat atau firma yang gagal mematuhi subseksyen (1) adalah melakukan kesalahan dan boleh dikenakan, apabila disabitkan, denda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit dan boleh, dalam hal kesalahan yang berterusan, dikenakan denda tambahan yang tidak melebihi satu ribu ringgit setiap hari selama kesalahan itu berterusan.

### **Pertanyaan tentang wang tak dituntut**

**10B.** Tertakluk kepada apa-apa syarat yang boleh ditetapkan oleh Pendaftar, mana-mana orang boleh membuat pertanyaan tentang kewujudan wang tak dituntut miliknya dengan Pendaftar dengan pembayaran fi yang ditetapkan.

### **Pelupusan wang tak dituntut**

**11.**(1) Pendaftar hendaklah mengkreditkan ke Akaun Amanah Disatukan semua wang tak dituntut yang diserahkan dengannya di bawah subseksyen 10(2).

(2) Mana-mana wang tak dituntut yang dikreditkan ke Akaun Amanah Disatukan (setakat yang wang tak dituntut itu belum dibayar daripada Akaun Amanah Disatukan di bawah Bahagian ini) hendaklah apabila luputnya tempoh lima belas tahun dari tarikh wang itu dikreditkan ke Akaun Amanah Disatukan, dipindahkan ke Akaun Hasil Disatukan.

(3) Tiada faedah kena dibayar ke atas semua wang yang dipegang dalam Akaun Amanah Disatukan atau Akaun Hasil Disatukan di bawah Bahagian ini.

**Pendaftar boleh memeriksa daftar, dsb., bagi memastikan sama ada syarikat atau firma mematuhi Bahagian ini atau tidak.**

**12.** (1) Bagi maksud memastikan sama ada syarikat atau firma mematuhi peruntukan Bahagian ini, Pendaftar atau mana-mana orang yang diberi kuasa secara bertulis olehnya boleh tanpa bayaran apa-apa fi memeriksa daftar yang dikehendaki disimpan oleh syarikat atau firma menurut Bahagian ini dan apa-apa buku, buku minit, daftar, rekod atau dokumen yang disimpan oleh atau bagi pihak syarikat atau firma menurut mana-mana undang-undang bertulis atau dalam menjalankan urusan perniagaan dan jika Pendaftar atau orang yang diberi kuasa mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa syarikat atau firma tersebut tidak mematuhi Bahagian ini, beliau boleh menyita dan menahan mana-mana buku, daftar, rekod atau dokumen tersebut yang boleh memberi keterangan tentang ketakpatuhan tersebut.

### **Akuan kerahsiaan**

(2) Tiada seorang pun yang boleh membuat pemeriksaan di bawah subseksyen (1) melainkan beliau telah membuat akuan kerahsiaan dalam bentuk yang ditentukan Pendaftar.

### **Penalti**

(3) Seseorang—

- (a) yang membuat pemeriksaan di bawah subseksyen (1) sebelum beliau membuat akuan di bawah subseksyen (2); atau
- (b) yang selepas membuat akuan di bawah subseksyen (2), kecuali bagi maksud Bahagian ini, atau dalam perjalanan mana-mana prosiding jenayah, membuat rekod, atau mendedahkan atau memberitahu kepada mana-mana orang, apa-apa maklumat yang beliau peroleh melalui pemeriksaan tersebut,

melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan, apabila disabitkan, denda tidak melebihi lima ribu ringgit.

### **Penalti**

(4) Syarikat atau firma dan mana-mana pegawai bagi syarikat atau firma—

- (a) yang apabila dikehendaki oleh Pendaftar atau seseorang yang diberi kuasa sedemikian untuk mengemukakan mana-mana buku (termasuk buku minit), daftar, rekod atau dokumen tersebut enggan untuk mengemukakan, mengelak daripada mengemukakan atau menghalang pengemukaan buku, daftar atau dokumen tersebut;

- (b) yang apabila dikehendaki oleh Pendaftar atau seseorang yang diberi kuasa sedemikian untuk membetulkan apa-apa kesilapan yang ditemui dalam mana-mana buku (termasuk buku minit), daftar, rekod atau dokumen tersebut enggan atau gagal membetulkan kesilapan tersebut; atau
- (c) yang menghalang atau mengganggu Pendaftar atau orang yang diberi kuasa dalam menjalankan mana-mana kuasa yang dirujuk dalam subseksyen (1) seksyen ini,

melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan, apabila disabitkan kesalahan, denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya.

### **Pendaftar hendaklah membayar penuntut yang sah**

**13.** (1) Jika mana-mana penuntut membuat apa-apa tuntutan terhadap Pendaftar bagi mana-mana wang tak dituntut yang dikreditkan ke dalam Akaun Amanah Disatukan, Pendaftar hendaklah, setelah berpuas hati bahawa penuntut ialah empunya wang tersebut, membenarkan pembayaran tersebut dibuat kepadanya daripada Akaun Amanah Disatukan atau, jika wang itu telah dipindahkan ke dalam Akaun Hasil Disatukan, Menteri hendaklah mengarahkan amaun yang sama dibuat kepadanya; dan amaun tersebut hendaklah dipertanggungkan ke atas Kumpulan Wang Disatukan dan kena dibayar daripada Akaun Hasil Disatukan.

(2) Jika mana-mana wang tak dituntut yang dibayar kepada mana-mana penuntut kemudiannya didakwa oleh mana-mana orang lain bahawa orang yang satu lagi itu adalah tidak berhak kepada pembayaran itu, tetapi orang tersebut boleh mengambil tindakan terhadap penuntut yang kepadanya wang tak dituntut itu telah dibayar.

### **Orang yang tidak dikehendaki di bawah Bahagian ini boleh membayar wang tak dituntut kepada Pendaftar**

**14.** (1) Mana-mana orang yang ada dalam pemilikannya apa-apa wang, selain wang tak dituntut, yang tidak dituntut oleh empunya boleh

menyerah simpan wang itu kepada Pendaftar seolah-olah wang itu kena dibayar kepada Pendaftar di bawah subseksyen 10(2).

(2) Seksyen ini tidak akan terpakai bagi mana-mana wang yang dibayar ke dalam mahkamah menurut Bahagian I Akta ini.

### **Peraturan**

\* <sup>1</sup> 15. Menteri Kewangan boleh membuat peraturan bagi atau berkenaan dengan —

- (a) penyerahsimpanan dokumen serta masa dan cara pengemukaan dokumen untuk diserahkan simpan;
- (b) (*Dipotong oleh Akta A1161*).
- (c) penetapan fi bagi maksud Bahagian ini;
- (d) pemeriksaan termasuk cara pemeriksaan serta hari dan masa apabila pemeriksaan boleh dibuat;
- (e) pada amnya semua perkara dan benda yang dikehendaki atau dibenarkan oleh Bahagian ini untuk ditetapkan atau yang perlu atau sesuai untuk ditetapkan bagi melaksanakan atau menjalankan Bahagian ini dan melindunginya daripada pengelakan dan pelanggaran.

### **Kuasa untuk mengkompaun kesalahan**

16. (1) Pendaftar boleh, dengan mendapat kebenaran bertulis daripada Pendakwa raya, mengkompaun apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang di bawah Bahagian ini dengan membuat tawaran bertulis kepada orang yang disyaki melakukan kesalahan itu bagi mengkompaun kesalahan tersebut selepas pembayaran kepada Pendaftar sejumlah wang yang tidak melebihi lima puluh peratus daripada amaun maksimum denda bagi kesalahan tersebut dalam masa yang ditetapkan dalam tawaran tersebut.

(2) Suatu tawaran di bawah subseksyen (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan, tetapi sebelum pendakwaan dimulakan, dan jika amaun yang ditetapkan dalam tawaran tidak dibayar dalam masa yang ditetapkan dalam tawaran itu atau dalam tempoh lanjutan tersebut sebagaimana yang diberikan oleh

---

\**NOTA*—Undang-undang subsidiari yang dibuat di bawah peruntukan ini: P.U. (A) 15/1976, P.U. (A) 16/1976, P.U. (A) 257/1982, P.U. (A) 127/1985 dan P.U. (A) 120/1988 telah dibatalkan oleh Akta A1161.

Pendaftar, pendakwaan bagi kesalahan tersebut boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang diberikan tawaran itu.

(3) Jika suatu kesalahan telah dikompaun di bawah subseksyen (1), tiada pendakwaan akan dimulakan berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang tawaran untuk mengkompaun diberikan.

(4) Semua wang yang diterima oleh Pendaftar di bawah seksyen ini hendaklah dibayar ke dalam dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.

### **Borang**

**17.** Pendaftar boleh, dari semasa ke semasa, menentukan borang yang diperlukan bagi maksud Bahagian ini.

### **Kuasa untuk mengecualikan**

**18.** Menteri boleh, melalui perintah dalam *Warta* mengecualikan syarikat atau firma daripada peruntukan Bahagian ini.

---



**UNDANG-UNDANG MALAYSIA**

**Akta 370**

**AKTA WANG TAK DITUNTUT 1965**

SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Akta 146	Akta Bank Simpanan Nasional 1974	01-12-1974
Akta A303	Akta Wang Tak Dituntut (Pindaan) 1975	01-06-1975
Akta A325	Akta Wang Tak Dituntut (Pindaan) 1976	01-01-1976
Akta A722	Akta Wang Tak Dituntut (Pindaan) 1989	01-06-1989
Akta A1161	Akta Wang Tak Dituntut (Pindaan) 2002	01-01-2003

---

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****Akta 370****AKTA WANG TAK DITUNTUT 1965****SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA**

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
3	Akta A722	01-06-1989
4	Akta A1161	01-01-2003
5	Akta 146	01-12-1974
7	Akta A722	01-06-1989
8	Akta A722 Akta A1161	01-06-1989 01-01-2003
9	Akta A303	01-06-1975
10	Akta A325 Akta A722 Akta A1161	01-01-1976 01-06-1989 01-01-2003
10A	Akta A1161	01-01-2003
10B	Akta A1161	01-01-2003
11	Akta A325 Akta A722 Akta A1161	01-01-1976 01-06-1989 01-01-2003
12	Akta A325 Akta A722 Akta A1161	01-01-1976 01-06-1989 01-01-2003
13	Akta A722 Akta A1161	01-06-1989 01-01-2003
14	Akta A1161	01-01-2003
15	Akta A1161	01-01-2003

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
16	Akta A303 Akta A1161	01-06-1975 01-01-2003
17	Akta A1161	01-01-2003
18	Akta A1161	01-01-2003

---

---

DICETAK OLEH



PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
KUALA LUMPUR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA